

Headline	Projek jagung tingkat pendapatan penduduk		
MediaTitle	Berita Harian	Color	Full Color
Date	21 Dec 2019	Circulation	82,252
Section	Nasional	Readership	246,756
Page No	51	ArticleSize	399 cm ²
Language	Malay	AdValue	RM 13,263
Journalist	N/A	PR Value	RM 39,788
Frequency	Daily		



Projek jagung tingkat pendapatan penduduk

Kuala Pilah: Permintaan tinggi terhadap jagung manis selain haraga makanan itu yang terus meningkat di pasaran mendorong penduduk kampung sekitar daerah ini mengusahakan tanaman itu secara komersial.

Mereka mengusahakan projek itu secara berkelompok melalui bantuan dan bimbingan daripada Pertubuhan Peladang Kawasan (PPK), Jabatan Pertanian Negeri Sembilan (JPNS) serta Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (FAMA) negeri.

Pengerusi PPK Tanjung Ipoh, Datuk Abdul Samad Ibrahim, berkata sehingga ini terdapat keluaran kira-kira 100 hektar projek pertanian jagung manis termasuk berstadi ladang kontrak sedang dijalankan yang menjadi puncak pendapatan penduduk.

Beliau berkata, setakat ini terdapat 20 usahawan di bawah PPK itu yang bertindak sebagai perintis dalam mengusahakan projek tanaman jagung dengan hasil pengeluaran bagi 0.4 hektar antara 10,000 hingga 12,000 tongkol jagung.

"Projek ini dilaksanakan di kawasan yang dulunya tanah terbiasa. Kampung Gemetir dan beberapa kampung kawasan Ampang Tinggi adalah desa utama

pengeluar jagung di daerah ini. Dua jenis jagung yang ditanam iaitu jagung manis hybrid dan jagung purple, yang baru diperkenalkan dan hanya terdapat di Kuala Pilah.

"Setiap usahawan bernaung di bawah PPK ini mampu meraih pendapatan antara RM8,000 hingga RM10,000 semusim atau 65 hari dengan jagung dipasarkan di sekitar negeri ini, Lembah Klang dan sebuah kilang di Melaka.

"Projek kelompok ini memberi peluang pekerjaan kepada penduduk sekali gus menambah pendapatan masing-masing," katanya ketika ditemui di sini, semalam.

Sementara itu, Pengurus Besar PPK Tanjung Ipoh, Mohd Khairul Abd Rahim, berkata PPK itu mencatatkan prestasi memberangsangkan sepanjang tahun ini apabila nilai jualan jagung mencecah RM500,000.

Beliau berkata, pihaknya menetapkan sasaran untuk mencapai nilai jualan jagung mencapai RM1 juta sepanjang tahun 2020.

Katanya, selain itu pihaknya juga berharap dapat melahirkan seramai 20 lagi usahawan baharu bagi memenuhi status sebagai pembekal kedua terbesar jagung di negara ini, selepas Johor.



Mohd Khairul (kanan) bersama usahawan di tapak projek tanaman jagung di Kampung Gemetir, Kuala Pilah.
(Foto Mohd Amin Jalil/BH)

"Fokus kami (PPK Tanjung Ipoh) pada 2020 adalah melahirkan lebih ramai usahawan berjaya, membiasmi tanah terbiasa dan membantu meningkatkan pengeluaran makanan negara," katanya.

Mohd Khairul turut mempelawa golongan muda di negeri itu terutama kategori B40 menyertai projek pertanian tanaman jagung yang sedang dijalankan.

"Mereka yang berminat boleh tampil ke PPK Tanjung Ipoh dan

kami akan bantu mereka sehingga bergelar usahawan.

"Projek jagung manis dan jagung purple ini mempunyai potensi besar jana ekonomi kerana keperluannya sentiasa tidak mencukupi," katanya.